



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI RABU, 02HB., RAMADHAN 1445 / 13HB., MAC 2024  
(HARI KESEBELAS)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada hari Isnin, 11hb Mac 2024 oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:
  - i. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;
    - Menyoalkan mengenai sasaran tahap minima *standard* literasi pelajar tahun 1 hingga 3 pada tahun 2024-2027 ditetapkan lebih rendah pada 80%;
    - Menyoalkan mengenai anggaran tahap minima *standard* numerasi tahun 2024-2027 kerana adalah lebih strategik untuk meningkatkan peratusan secara beransur-ansur dan dilengkapi dengan tindakan yang boleh diukur untuk pencapaian yang lebih stabil;

- Mencadangkan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif yang bertujuan meningkatkan kemahiran numerasi dalam kalangan pelajar dan guru;
  - Menyoalkan bagaimana kurikulum negara dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir di luar *domestic market* bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang hal ehwal luar negara dan kecekapan digital yang diperlukan untuk peringkat global;
  - Mencadangkan Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyelaraskan program pendidikan dengan kemahiran diiktiraf di peringkat antarabangsa dan berpotensi melalui *internship* dengan syarikat tempatan yang berorientasikan global;
  - Menyoalkan mengenai langkah-langkah yang diambil Kementerian Pendidikan untuk mempromosikan dan menyokong laluan kerjaya digital di dalam kalangan belia negara; dan
  - Mencadangkan bagi penyerapan literasi digital dan media bersama dengan kemahiran teknologi termasuk *coding, digital content creation* dan *data analysis* ke dalam kurikulum utama.
- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
- Menyeru akan perlunya untuk diadakan inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan yang lebih produktif efisien dan efektif bagi menyediakan pelbagai aspek kemahiran dan kepakaran ke tahap yang lebih tinggi bukan setakat peringkat ijazah atau sarjana tetapi sehingga ke tahap *specialized professional* dan konsultan dalam pelbagai bidang;
  - Memohon pencerahan mengenai strategi atau inisiatif bagi ketiga-tiga matlamat perancangan strategi

Kementerian Pendidikan untuk disiap siagakan dalam mengadakan menuju ke arah dan mencapai Wawasan Brunei Darussalam 2035, merealisasikan Economic Blueprint dan juga menjadikan Negara Brunei sebagai Negara Zikir;

- Ingin mengetahui setakat mana perancangan, pemantauan dan pelaksanaan dalam menyediakan sumber tenaga manusia dalam pelbagai kemahiran kepakaran untuk memenuhi keperluan industri yang sedia ada dan masa akan datang;
- Ingin mengetahui perancangan dan persediaan di peringkat awal persekolahan bagi menggalakkan dan menarik minat pelajar-pelajar menceburi program-program yang menjurus kepada keperluan negara dan industri-industri pada masa akan datang;
- Memohon pencerahan status perkembangan usaha mengemaskini Brunei Darussalam Qualifications Framework (BDQF) dan bila penggubalan baru ini dapat di dilaksanakan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011;
- Memohon pencerahan sama ada Akta Pendidikan Wajib sudah diberigakan secara meluas kepada ibu bapa dan penjaga pelajar, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung pendalaman;
- Ingin mengetahui cara memperkesankan akta pendidikan wajib bagi memastikan akta tersebut dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat dan rakyat, lebih lagi memberi kesedaran akan keperluan akta tersebut diwujudkan;
- Menyoalkan mengenai kaedah untuk memperkesankan Akta Pendidikan Wajib serta inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah Kementerian Pendidikan menangani masalah penuntut-penuntut yang tidak hadir ke sekolah;
- Menyoalkan berkenaan langkah-langkah atau kaedah untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pembelajaran; dan

- Ingin mengetahui sudah dikenalpasti punca prestasi peperiksaan kelulusan 'O' Level dan 'A' Level di sekolah-sekolah swasta lebih baik daripada sekolah-sekolah kerajaan.

iii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;

- Ingin mengetahui sampai bila guru warga asing akan bertugas di Negara Brunei Darussalam dan mencadangkan guru tempatan berkontrak untuk diambil secara tetap dan mengambil tugas-tugas guru warga asing khususnya bagi yang sudah mempunyai pengalaman bekerja serta rekod yang baik dan cemerlang;
- Ingin mengetahui jika pentadbir-pentadbir sekolah pada masa ini masih lagi mengajar di bilik-bilik darjah;
- Menyarankan pelantikan pegawai kanan diambil daripada kalangan yang mempunyai pengalaman mengajar, mempunyai rekod yang baik dan cemerlang serta berkredibiliti di kalangan masyarakat sekolah; dan
- Menyoalkan bagaimana pengendalian dan pengurusan kanak-kanak berkeperluan khas yang tidak dapat ditampung oleh satu-satu sekolah ini; serta jika terdapat tenaga pengajar yang mencukupi bagi mengendalikan murid-murid tersebut di sekolah biasa.

iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;

- Memohon pencerahan mengenai persiapan yang dibuat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan mata pelajaran *science, technology, engineering, arts, and mathematics* (STEAM);
- Ingin mengetahui adakah peruntukan bagi mata pelajaran STEAM seimbang dengan persiapan yang dirancang Kementerian Pendidikan;
- Mencadangkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang seiring dengan matlamat kebangsaan seperti

Wawasan Brunei 2035 dan mengukur kejayaan dalam melaksanakan pendidikan STEAM bagi guru-guru dan pelajar-pelajar;

- Ingin mengetahui rancangan jangka panjang untuk menyediakan sistem pembelajaran untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan matlamat membolehkan mereka hidup berdikari sebagai ahli masyarakat yang berguna;
- Menyoalkan mengenai amalan-amalan terbaik dari sekolah khas berjaya yang dapat diambil oleh Negara Brunei Darussalam sebagai strategi pelaksanaan untuk menyepadukan pelajar ke dalam masyarakat sambil memerhatikan keperluan Melayu Islam Beraja MIB dalam kejayaan; dan
- Memohon pencerahan mengenai graduan-graduan kursus pertanian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) berkenaan perancangan bagi graduan-graduan ini selepas tamat kursus dan apakah usaha atau inisiatif Kementerian Pendidikan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya.

v. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;

- Memohon pencerahan mengenai graduan-graduan yang telah menanggung dan meninggalkan pengajian program *Master of Teaching (MTeach)* sebelum tamat tempoh program tersebut bagi menerima tawaran pekerjaan tetap di sektor kerajaan;
- Ingin mengetahui apakah kesan penangguhan pelajar-pelajar ini terhadap perancangan awal kapasiti sumber tenaga manusia pihak Kementerian;
- Mencadangkan supaya sijil kurikulum program *MTeach* dijadikan syarat kelayakan utama pengambilan guru baharu di institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta dan setiap pemohon

hendaklah memiliki sijil *MTeach* atau sebanding dengannya tanpa pengecualian;

- Memohon pencerahan bagaimana Kementerian Pendidikan menjejaki kelangsungan penglibatan graduan Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (IPT) setelah menamatkan pengajian;
- Ingin mengetahui sejauh mana graduan-graduan dalam bidang keusahawanan telah berjaya mengembangluaskan sebagai sumber pendapatan utama sehingga mampu membukakan peluang-peluang pekerjaan, dan memohon untuk dikongsikan data mengenainya;
- Menyoalkan perancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan berkaitan hala tuju keterlibatan pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan ini khususnya dalam membantu perkembangan ekonomi negara.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;

- Memohon pencerahan mengenai *Whole School Evaluation (WSE)* 2024/2025 yang disasarkan pada 64.2%, bagi 2025/2026 pada 67.5% dan 2026/2027 pada 70.8%;
- Mencadangkan Kementerian Pendidikan berusaha supaya sekolah-sekolah mencapai tahap yang lebih tinggi daripada standard minima dan menjadikan sekolah-sekolah sebagai *high performing school*;
- Menyoalkan berapa peratus sekolah negara boleh dilabelkan sebagai *high performing school*;
- Menyoalkan mengenai langkah yang telah diambil Kementerian Pendidikan untuk membantu institusi pendidikan yang tidak mencapai standard minima *WSE* seperti menempatkan pemimpin sekolah yang berkualiti dan juga menempatkan guru-guru yang boleh membawa impak positif, mengubah cara penyampaian dengan pedagogi yang sesuai;

- Menyarankan sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan hendaklah dipantau dengan teliti dan menyoalkan jumlah sekolah rendah dan menengah yang telah dibantu dan melihatkan perubahan yang ketara;
- Menyoalkan mengenai peruntukan pemeliharaan bangunan dan aset yang tidak ada ataupun sedikit, dan berharap kerja-kerja pemulihan yang perlu akan dilaksanakan bagi keselesaan pelajar;
- Ingin mengetahui sekiranya terdapat tambahan dalam peruntukan bagi tambahan guru dan prasarana yang bersesuaian selaras dengan perubahan umur kanak-kanak mula bersekolah ke umur 5 tahun, iaitu termasuk penyediaan alat-alat pembelajaran yang sesuai untuk membina minda kanak-kanak;
- Menyoalkan sekiranya telah dibuat pembaikan berkenaan pengurusan tenaga manusia, dan menyoalkan sejauh mana penempatan jawatan, lantikan pemangku, penempatan kerja, pertukaran jabatan dan tawaran latihan telah ditangani melalui prosedur-prosedur yang *transparent*;
- Membangkitkan isu mengenai keterampilan pensyarah-pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan mengharapkan tenaga pengajar UBD tampil di forum tempatan, memberi pandangan, menyampaikan kertas-kertas penyelidikan atau menjadi ahli di badan-badan penggubal dasar agensi-agensi kerajaan;
- Menyeru mengenai projek bangunan Universiti Sultan Sharif Ali Islamic School (UNISSA) di bawah RKN-12 untuk tidak dilengahkan dan tidak dibangunkan secara *'cut corners'* memandangkan ia adalah projek ikon yang melambangkan Syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;

- Memohon pencerahan pengajaran yang penting dari PISA 2018-2022 yang telah atau akan diambil untuk

intervensi agar dapat meningkatkan kompetensi anak murid dan meningkatkan *ranking* negara;

- Memohon pencerahan jika terdapat korelasi keputusan yang kurang memuaskan dalam kedudukan PISA ini disebabkan oleh pembelajaran awal *basic early childhood education* yang kurang berkesan;
- Ingin mengetahui apakah peningkatan bagi *step changes* dalam *basic early childhood education* untuk menangani keputusan 'O' Level yang masih berada di tahap 40 peratus dan perbandingan hasil PISA dengan hasil keputusan peperiksaan 'O' Level dan 'A' Level bagi pelajar-pelajar yang terlibat dalam PISA 2018-2022;
- Ingin mengetahui hasil yang dapat dipelajari dari Singapura dan Vietnam yang mempunyai kedudukan lebih tinggi di dalam PISA berkaitan keberkesanan dalam pembelajaran mereka;
- Menyoalkan tentang penggunaan alat analisis data dan statistik seperti *Artificial Intelligence* (AI) untuk mengenal pasti bahagian-bahagian PISA yang perlu dipertingkatkan demi mencapai Wawasan Brunei 2035 oleh kohort PISA 2018-2021;
- Ingin mengetahui statistik pelajar yang telah menduduki 'O' Level setiap tahun yang tidak memiliki arah tujuan selepas peperiksaan atau peluang untuk melanjutkan pendidikan sama ada disebabkan kekurangan tempat atau kegagalan dalam mendapatkan keputusan;
- Menyoalkan cara perangkaan strategi yang berkesan untuk menangani isu mengenai pelajar berusia 15-18 tahun yang meninggalkan sistem pendidikan dan jika patut disesuaikan di dalam Akta Pendidikan Wajib untuk merangkumi semua individu yang berusia 5-18 tahun;
- Ingin mengetahui jika terdapat data mengenai keramaian jumlah graduan Ijazah Kedoktoran (PhD) dari universiti tempatan dan luar negeri serta jumlah



bagi graduan PhD yang sudah memegang jawatan dalam bidang yang dipelajari, jika diketahui jumlah aset yang *underutilised* atau *underpaid* dengan kelulusan dan juga senarai individu graduan PhD yang belum mempunyai pekerjaan;

- Ingin mengetahui *pull factor* dalam mengambil keputusan untuk menempatkan tiga institusi pendidikan cluster UBD, UTB dan Politeknik Brunei secara berdekatan dan menyarankan tempat institusi pendidikan ditubuhkan ke setiap daerah untuk meningkatkan kolaborasi dengan industri; dan
- Ingin mengetahui jika terdapat strategi untuk mendorong anak-anak tempatan dalam menguasai bahasa lain seperti *Mandarin, Arabic, European* (selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) sebagai *opportunity basis* untuk menjadi *multilinguist* tanpa membebankan anak-anak tempatan menguasai pendidikan asas dan meningkatkan daya saing global.

viii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;

- Mencadangkan sebuah program bagi mendukung sistem integrasi pendidikan iaitu program *School Meal Program* untuk disediakan semasa waktu rehat sekolah dan untuk disediakan secara percuma kepada semua pelajar-pelajar dan kanak-kanak yang memenuhi kriteria berdasarkan pendapatan keluarga mereka manakala bagi yang lainnya boleh dikenakan yuran menampung kos makanan selaginya tidak membebankan ibu bapa;
- Berharap untuk disediakan peruntukan bagi program permakanan tersebut.

ix. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;

- Memohon pencerahan mengenai tindakan susulan terhadap perkembangan *research and development (R&D)* bagi program pertanian yang giat aktif diungkayahkan oleh institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam

- Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)*;
- Menyarankan pengumpulan data dan maklumat *research and development (R&D)* diusahakan secara lebih komprehensif seperti menubuhkan '*Central Information System*';
  - Mencadangkan perbincangan pihak kementerian dan pihak-pihak berkepentingan bagi program-program pertanian yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi agar mempunyai hala tuju yang '*diversify*' iaitu seperti menyarankan bagi sebuah universiti untuk menawarkan program bidang yang berlainan daripada universiti yang lain agar mempunyai fokus masing-masing terhadap bidang yang ditumpukan dan mengukuhkan asas penyelidikan-penyelidikan yang tertentu.
- x. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
- Mencadangkan berkenaan dengan padang-padang bola sepak di bawah Kementerian Pendidikan untuk disewakan kepada kelab sukan negara untuk diuruskan dan ingin mengetahui mengapa sesetengah padang boleh digunakan orang kampung dan ada yang tidak dibenarkan;
  - Ingin mengetahui berkenaan dengan peruntukan alat pembelajaran praktikal yang tidak disediakan;
  - Ingin mencadangkan jika sekiranya bidang pertanian dan agrimakanan dijadikan salah satu mata pelajaran, ataupun setidaknya-tidaknya kandungan mengenai pertanian dan agrimakanan diberi penekanan khas dalam sukatan pelajaran di sekolah menengah termasuk sekolah swasta;
  - Ingin mengetahui tentang rasional dan justifikasi peruntukan anggaran perbelanjaan RKN-12 mengenai Kampus Kekal Politeknik Brunei dan juga langkah-langkah bagi politeknik dalam menjana hasil *tangible* atau *intangible*;
  - Mohon pencerahan berkenaan *Innovation Hub* Universiti Brunei Darussalam (UBD) dari segi manfaat

yang akan dicapai dan dalam membuahkan hasil pendapatan bagi UBD dan kerajaan semasa mencapai peringkat proses *commercialisation*.

- 2.1.4. Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI KHAMIS, 14HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]**

---